

**ZAWIYAH TOK PULAU MANIS AS THE FORTRESS OF AHLU SUNNAH
WALJAMAAH IN THE MALAY WORLD**

**ZAWIYAH TOK PULAU MANIS BENTENG AHLU SUNNAH WALJAMAAH
DI ALAM MELAYU**

Muhammad Afif Yahyaⁱ, Mohd Hapiz Mahaiyadinⁱⁱ & Sabri Ahmadⁱⁱⁱ

- ⁱ (Corresponding author). Pengurus, Akademi Terapi Sakinah, Jalan SP5/5, Bandar Saujana Putra, 42610, Selangor. afifyahya.harum@gmail.com
ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor. mohdhapiz659@uitm.edu.my
ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor. ahmadsabri@uitm.edu.my

Abstract	<p><i>The purpose of this study is to gain an understanding of the concept of the Zawiyah institution as well as the life history of Sheikh Abdul Malik, also known as Tok Pulau Manis, for his role and contribution to local and international education through the Zawiyah institution. The Zawiyah institution, built by local scholars, has grown into a center of religious studies and plays an important role in the development of knowledge in the Malay world. Specifically, it focuses on increasing the knowledge of Tauhid and Tasawwuf. This study is a qualitative study using various research instruments, including documentation, articles, scientific books, scientific studies, and websites. It also uses the document analysis method on primary and secondary sources. A review of historical research and related documents is done to check the accuracy of the material provided and evaluate the easily accessible facts. The results of this study show how important the Zawiyah institution is for nation-building and the religious spirit that can be nurtured through education. In fact, this study shows that the stature of Sheikh Abdul Malik is important not only as an educational personality in their respective communities but also as a consultant for matters related to administrative policy and national development, especially in the state of Terengganu.</i></p> <p>Keywords: Zawiyah, Malay World, Sheikh Abdul Malik, Monotheism, Sufism.</p>
Abstrak	<p><i>Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan pemahaman mditemubengenai konsep institusi Zawiyah, serta sejarah kehidupan Syeikh Abdul Malik yang juga dikenali sebagai Tok Pulau Manis atas peranan dan sumbangannya kepada pendidikan penduduk tempatan dan antarabangsa melalui institusi zawiyah. Institusi zawiyah yang dibina oleh para ulama tempatan telah berkembang menjadi pusat pengajian agama dan memainkan peranan yang penting dalam perkembangan ilmu di Alam Melayu. Secara khusus, ia memfokuskan kepada peningkatan ilmu tauhid dan tasawuf. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pelbagai instrumen kajian termasuk, dokumentasi, artikel, buku ilmiah, kajian ilmiah, dan laman web. Ia juga menggunakan kaedah analisis kandungan pada sumber primer dan sekunder. Pemeriksaan kajian sejarah dan dokumen berkaitan dilakukan untuk menyemak ketepatan bahan yang disediakan dan menilai fakta yang</i></p>

	<p><i>mudah diakses. Hasil kajian ini menunjukkan betapa pentingnya institusi Zawiyah sebagai wadah pembangunan bangsa dan semangat keagamaan yang dapat dipupuk melalui pendidikan. Hakikatnya, kajian ini menunjukkan bahawa ketokohan Syeikh Abdul Malik adalah penting bukan sahaja sebagai personaliti pendidikan dalam komuniti masing-masing tetapi juga sebagai perunding bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar pentadbiran dan pembangunan bangsa, khususnya di negeri Terengganu.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Zawiyah, Alam Melayu, Syeikh Abdul Malik, Tauhid, Tasawuf.</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Berdasarkan terjemahan daripada *Mu'jam al-Maani* (2024), Zawiyah berasal daripada istilah Arab, iaitu *zawaya* yang bermaksud sesuatu sudut dalam bangunan atau rumah. Sudut ini juga merupakan ruangan kecil yang dikhususkan untuk melaksanakan solat atau ibadah. Ia juga dikenali sebagai *ribat*, yang berkait rapat dengan bidang tasawuf. Di Turki, ia disebut *tekke*, manakala di Parsi dan India dikenali sebagai *khanaqah* atau *jamaat khana*. Di alam Melayu, zawiyah juga disebut sebagai pondok atau pesantren. Di Parsi, Syria dan Mesir, istilah ini mulai menjadi umum pada abad ke 11 Masihi, sebagai contoh Abu Said (w 1049) telah mendirikan zawiyah di timur Parsi, manakala Salehuddin al-Ayyubi mendirikan Zawiyah Said al- Suada pada tahun 1174M di Kaherah.

Istilah zawiyah diambil bersempena sudut-sudut tiang di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi, atau *Haramayn* yang pernah menjadi tempat Rasulullah SAW membimbing para sahabat mengenai agama Islam, samada dari aspek ilmu, amalan mahupun *taariq* atau 'ilmu jalan' (Mohd Syukri Yeoh, 2018). *Zawaya* atau sudut-sudut masjid ini juga menjadi tempat beribadah, beriktikaf dan mengasingkan diri (suluk). Bimbingan serta pemindahan ilmu dan amalan agama dari sumber Rasulullah SAW ini diteruskan di zaman tabi'in, tabi' tabi'in dan berterusan sehingga ke hari ini, dikenali sebagai sistem 'bersanad'.

Ringkasnya, zawiyah, *ribat*, *khanaqah*, *tekke*, pondok atau pesantren merujuk kepada institusi agama yang semarak wujud dalam dunia Islam bersumber daripada *Haramayn* semenjak zaman Rasulullah SAW sehingga dikembangkan peranannya kepada tujuh fungsi iaitu kebajikan, pendidikan, penyelidikan, penerbitan, jaringan, penasihat dan muamalah (Zulkifli al-Bakri, 2016). Dalam lipatan sejarah perkembangan Islam di alam Melayu, kewujudan institusi zawiyah yang bertebaran menunjukkan hubungan tradisi ilmu Islam antara tanah *Haramayn* dan alam Melayu, antaranya adalah dalam bentuk halaqah pengajian, amalan dan tarekat bersanad. Malahan institusi zawiyah juga memainkan peranan yang sangat besar dalam pembangunan tamadun dan peradaban rantau ini.

Institusi zawiyah yang pertama kali didirikan di belahan alam Melayu adalah dalam kesultanan Perlak bermula pada abad ke 9 Masihi. Menurut Helmiyati (2014), salah satu pencapaian terbesar kerajaan Perlak ini ialah penubuhan pusat pendidikan Islam yang dipanggil Dayah. Dayah Bukit Ce Breek didirikan pada zaman Sultan Sayyid Maulana Abdul Rahim Syah (864-888M), raja Perlak yang kedua. Didirikan juga Dayah Cot Kala pada zaman Sultan Sayyid Maulana Abbas Syah (888-913M), raja Perlak ketiga. Muhammad Amin Syah adalah antara gurunya (ulama) yang paling terkenal, yang kemudiannya menjadi raja Perlak yang keenam, dengan gelaran Sultan Muhammad Amin Shah Johan Berdaulat (922-946M).

Sultan Muhammad Amin Shah sendiri merupakan bekas alumni Masjidil Haram di Mekah, merujuk ikatan Zawiyah Cot Kala dengan *Haramayn*, kerana sebagai alumni Masjidil Haram, sudah tentu Sultan Muhammad Amin mengambil tradisi ilmu dan amalan dari masjid yang agung ini di Zawiyah Cot Kala, sehingga istilah 'Zawiyah' sendiri tetap digunakan. Menurut Helmiyati (2014) lagi, para ulama lahir sebagai kader dakwah yang memainkan peranan penting dalam perkembangan Islam di seluruh Nusantara apabila pusat pendidikan Islam yang dipanggil Dayah, yang berasal dari perkataan Arab 'Zawiyah'.

Ramai ulama telah dilahirkan oleh Zawiyah Cot Kala untuk dihantar ke kawasan Melayu yang berdekatan dan kepada orang Melayu yang belum menerima Islam di seluruh Nusantara. Alumni zawiyah termasuk Maulana Ishak, Maulana Nur al-Din (Fatahillah) dan Sunan Bonang yang dihantar untuk mendakwah di kepulauan Jawa; Maulana Abu Bakar dihantar ke kesultanan Melaka; Syeikh Ampon Tuan ke kerajaan Teumiang di Aceh Timur; Syeikh Jakob ke kerajaan Samudera-Pasai; dan Syeikh Sirajuddin ke kerajaan Lingga di Aceh Tengah (Mohd Syukri Yeoh, 2009).

Ulama telah mencipta zawiyah tambahan berdasarkan Zawiyah Cot Kala. Dengan membina rangkaian zawiyah-zawiyah baru yang dibangunkan oleh bekas ahli zawiyah Cot Kala, para mubaligh boleh bekerjasama dengan lebih erat untuk memajukan perkembangan Islam dan memartabatkan masyarakat dengan budaya pengajian ilmu. Contoh zawiyah yang dibina termasuk Zawiyah Batu Karang dalam kerajaan Teumiang oleh Teungku Ampon Tuan; Zawiyah Kan'an oleh Syeikh Abdullah Kan'an (1196M); Zawiyah Blang Peuriya oleh Tengku Yaakob (1153M); dan Zawiyah Seuruleu oleh Syeikh Sirajuddin dalam kerajaan Lingga (1012M). Pada zaman Sultan al-Malik al-Saleh (Merah Silu) dari 1270M hingga 1297M, kerajaan Pasai dan Teumiang kemudiannya digabungkan dengan kerajaan Perlak, membentuk kerajaan Samudera Pasai. Syeikh Jakob menubuhkan Zawiyah Blang Peria di negeri ini (Mohd Syukri Yeoh, 2011).

Usaha dakwah para mubaligh daripada institusi zawiyah dan kerjasama erat di antara zawiyah dari pelbagai tempat telah menimbulkan kesedaran agama sehingga proses pengislaman masyarakat alam Melayu berjaya dan menghasilkan pembentukan daulah Islam, yang bermula di sekitar kesultanan Perlak dan kemudian merebak ke bahagian lain rantau ini (Khairul Azhar, 2019).

AHLUS SUNNAH WAL JAMAAH SEBAGAI MAZHAB TRADISI ALAM MELAYU

Semenjak awal kedatangan Islam di alam Melayu, agama yang mulia ini telah dianuti oleh majoriti kerajaan serta masyarakat di rantau ini, dengan mengambil mazhab Ahlus Sunnah wal Jamaah; iaitu pada aspek akidah berteraskan aliran Asya'irah dan Maturidiyyah, fiqh berteraskan mazhab Shafi'i disamping meraikan mazhab-mazhab muktabar yang lain seperti mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali, dan tasawuf daripada tokoh muktabar seperti al-Junayd (m. 297H), al-Ghazali (m. 505H), al-Qushayri (m. 465H) dan lain-lain yang seangkatan dengan mereka (Abdul Shukor, 1998 ; Syamsul Bahri & Norarfan, 2012). Manakala Saiful Bahri (2020) merujuk Ahli Sunnah Wal-Jamaah seperti berikut:

“Ahlus Sunnah Wal Jamaah adalah mengikut kepada ajaran Al-Asyai'rah dan Al Maturidiyah dalam Bab Akidah, empat mazhab Hanafi, Maliki, Syafii dan Hambali dalam Bab Fikih, serta ahli tasawuf yang murni pada ilmu dan akhlak serta para ulama yang meniti jalannya.”

Sejarah penyebaran Islam di Nusantara menunjukkan bahawa penduduk Nusantara menganut akidah salaf yang bersanad terus kepada Rasulullah SAW seawal abad ke-7 hingga ke-9 Masihi (Abd Jalil, 2014). Walaupun terdapat perbezaan pendapat tentang Islam yang wujud di Nusantara selepas abad ke-19 Masihi, sama ada dari pihak Syiah atau Ahli Sunnah wal Jamaah, pendapat yang paling popular adalah yang dipegang oleh Ahli Sunnah wal Jamaah. Ini ditunjukkan oleh latar belakang dan nama alim-ulama yang datang, pengajian mereka dan kitab-kitab yang mereka ajar kepada masyarakat tempatan. Latar belakang ini jelas merujuk kepada fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah, tetapi juga kepada alim-ulama sufi dan tareqat muktabar. Mereka bukan sahaja memainkan peranan penting dalam menyestatkan proses Islamisasi dan menegakkan syiar Islam di Nusantara, tetapi mereka juga telah meningkatkan kesedaran rohani dan kekuatan batin sehingga mereka dapat dilihat dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat di seluruh rantau ini (Faudzinaim & Muhammad Khairi, 2021). Apabila Nusantara menghadapi ancaman penjajahan dan kristianisasi dari Barat seperti Portugis, Sepanyol, Belanda dan British, perkembangan sufiisme dan tareqat ini berjaya dimanfaatkan.

Sebagai contoh, dalam kerajaan Perlak, yang dianggap sebagai kerajaan Islam paling awal di Nusantara pada abad ke-9 Masihi, seorang ulama dari Yaman bernama Syeikh Abdullah Kanaan disebut sebagai salah seorang daripada orang pertama yang tiba di sana. Beliau mendirikan Zawiyah Cot Kala, dan sanadnya bersambung kepada zawiyah Syeikh di Yaman, yang kemudiannya bersambung kepada *Haramayn* (Mekah & Madinah) (Haidhar et al., 2016). Zawiyah ini menubuhkan jaringan awal para mubaligh yang menyebarkan Islam ke seluruh Alam Melayu. Pada asasnya, Kesultanan Perlak, yang ditubuhkan pada 1 Muharram 225H bersamaan tahun 840M, telah bersiap sedia untuk membina sebuah institusi pendidikan Islam. Tujuan mereka adalah untuk menyediakan kader agama yang mahir dan mempunyai kearifan tempatan untuk memastikan dakwah dan tarbiyah Islam berterusan pada kerajaan-kerajaan lain di Nusantara yang kebanyakan daripada mereka belum mengenal Islam atau bersebeliau untuk menjadi penganutnya.

Selain menyediakan para kader dakwah, orang ramai diberi peluang untuk menjadi 'celik ilmu' dan dididik, membolehkan mereka berubah daripada menganut 'budaya jahiliah' kepada 'budaya bertamadun dan beradab', seperti yang dikehendaki oleh Islam. Setiap kampung di Perlak mempunyai madrasah, yang berfungsi sebagai pusat pendidikan Islam. Kemudian, ia berubah menjadi meunasah dalam loghat Aceh. Didirikan zawiyah pada setiap mukim juga, jadi banyak madrasah dan zawiyah-zawiyah di seluruh wilayah Kesultanan Perlak (Mohd Syukri Yeoh, 2009).

INSTITUSI ZAWIYAH MENJADI ASAS PENDIDIKAN AWAL ISLAM DI ALAM MELAYU

Sebelum munculnya kuasa Eropah seperti British dan Belanda ke alam Melayu, institusi pengajian Islam merupakan satu-satunya institusi pendidikan rasmi yang wujud di rantau ini, semua peringkat masyarakat daripada golongan rakyat sehingga keluarga bangsawan dan para sultan mendapat pendidikan daripada sistem pengajian tradisional ini. Pada awalnya institusi ini dikenali dengan nama zawiyah, sebelum muncul nama-nama lain seperti pondok, pesantren, dayah, madrasah dan sebagainya. Walaupun namanya telah berubah-ubah, namun acuannya tetap mengikuti kepada sistem zawiyah yang asal khususnya sebagai pusat pengkaderan alim-ulama tempatan. Institusi zawiyah pertama kali ditubuhkan di bahagian dunia sebelah sini dalam Kesultanan Perlak pada abad ke-9 Masihi dan berfungsi sebagai pusat ibadat, pengajian kitab-kitab yang bersanad, penulisan dan penyalinan kitab-kitab, pendidikan amalan dan Tareqat rohaniyyah (Mohd Syukri Yeoh, 2011) sehingga menghasilkan hasil yang mencukupi dengan melahirkan tokoh agama yang boleh dihantar berdakwah ke pelbagai tempat dan membina zawiyah di tempat yang dikunjungi, menyebabkan perkembangan Islam berkembang di seluruh Nusantara.

Alumni zawiyah termasuk Maulana Ishak, Maulana Syarif Hidayatullah (Sunan Gunung Jati) dan Sunan Bonang, yang dihantar ke Kepulauan Jawa untuk berdakwah; Maulana Abu Bakar ke Kesultanan Melaka; Syeikh Ampon Tuan ke Kerajaan Teumiang di Aceh Timur; Syeikh Jakub ke Kerajaan Samudera-Pasai; dan Syeikh Sirajuddin ke Kerajaan Lingga di Aceh Tengah (Mohd Syukri Yeoh, 2011). Dengan membina zawiyah-zawiyah yang ditubuhkan oleh utusan-utusan ini, terdapat peluang untuk para mubaligh bekerjasama dengan lebih erat, yang membawa kepada perkembangan Islam yang lebih cepat dan memartabatkan budaya pengajian ilmu dalam kalangan golongan atasan dan masyarakat. Contoh zawiyah yang dibina termasuk zawiyah Blang Peria yang dibina oleh Syeikh Jakub dalam Kesultanan Samudera-Pasai, zawiyah Batu Karang yang dibina oleh Teungku Ampon Tuan dalam Kerajaan Teumiang, dan zawiyah Seuruleu yang dibina oleh Syeikh Sirajuddin dalam Kerajaan Lingga.

Usaha dakwah oleh alim-ulama yang dihantar daripada institusi zawiyah dan program kerjasama di antara zawiyah-zawiyah dari pelbagai tempat telah meningkatkan kesedaran agama sehingga memudahkan masyarakat tempatan Nusantara menerima Islam (Suliah et al., 2015). Ia juga telah menyumbang kepada penyemarakan syiar Islam dengan kewujudan daulah Islamiyyah, yang mula-mula muncul di sekitar Kesultanan Perlak. Sebagai contoh, Meurah Johan dan Syeikh Abdullah Kanaan adalah sebahagian daripada kumpulan mubaligh yang dihantar ke Kerajaan Lamuri untuk menyebarkan dakwah Islam.

Meurah Johan kemudiannya menjadi raja Lamuri dan mempunyai zuriat yang akan menjadi raja-raja besar Kesultanan Aceh Darussalam (Mohd Syukri Yeoh, 2018).

Para mubaligh Islam di rantau ini sebahagian besarnya adalah ulama tasawuf, yang bukan sahaja bertanggungjawab untuk menyebarkan dakwah tetapi juga memberi pendidikan dalam bidang ilmu pengetahuan Islam mengikut pendekatan ilmu tasawuf. Ini membawa kepada pembentukan masyarakat Islam yang berfokus pada kerohanian dan batiniyah. Syeikh Abdullah Arif, yang datang ke Perlak pada tahun 1177M, adalah antara individu yang paling terkenal dalam mengkaji sejarah awal islamisasi Nusantara. Beliau adalah anak murid Sultan al-Awliya' Syeikh Abdul Qadir Jailani, yang lahir pada 471H/1079M dan meninggal dunia pada 561H/1166M. Manuskrip yang beliau tulis, *Bahr al-Lahut*, beliau anggap sebagai manuskrip paling awal yang ditemui di Alam Melayu ini (Wan Mohd Saghir, 2006).

Ramai orang memeluk Islam dan menjadi anak murid Syeikh Abdullah Arif, seorang ulama terkenal pada masa itu. Mereka kemudiannya dihantar untuk menyebarkan dakwah Islam di pantai barat pulau Sumatera, iaitu di daerah Minangkabau. Perlak bukan sahaja merupakan kota perdagangan yang maju pada zamannya, tetapi ia juga menjadi pusat pendidikan selama beberapa kurun sehingga zaman Syeikh Hamzah Fansuri, seorang sasterawan sufi yang terkenal pada awal abad ke-17 Masihi (Wan Mohd Saghir, 2006). Secara keseluruhan, alim ulama sufi menanamkan benih Islam yang subur di Kesultanan Perlak, dan mereka terus memegang obor Islam. Hasilnya, pusat-pusat pancaran Islam lain seperti Samudera-Pasai, Aceh Darussalam, malah sampai ke Semenanjung Tanah Melayu, selatan Siam, Pulau Jawa, dan Sulawesi.

Sultan Malikus Saleh, Raja wilayah Samudera-Pasai pada abad ke-13 Masihi, adalah salah seorang keturunan dinasti Perlak. Dinyatakan bahawa Sultan Malikus Saleh menerima ilmu daripada Hamad Akhbar. Pertalian daripada Hamad Akhbar berasal daripada Syeikh Syibli, berketurunan daripada Yunus ibnu Malik hingga sampai kepada Saiyidina Ali. Pada halaman yang sama, disebutkan pula bahawa penurunan ilmu daripada Sultan Malikush Shaleh kepada Sultan Ismail, turun kepada Zainal Abidin, turun kepada Sidi Ali, dan masih berhubung terus sehingga kini (Wan Mohd Saghir, 2006). Sultan Malikus Saleh merupakan seorang pengamal tasawuf yang mempunyai sanad perguruan. Setelah kemangkatan baginda, pemerintahan diteruskan oleh putera dan cucunya Sultan Malikus Zahir I dan II. Daripada catatan Ibnu Batuttah yang panjang lebar tentang pengalamannya menjadi tetamu Kesultanan Pasai, jelas bahawa di zaman kemuncaknya, wilayah ini dibanjiri ramai alim-ulama, wujud juga para penulis dan penyair yang diberikan kemuliaan serta penghormatan tinggi. Perkembangan ilmu dan sastera yang digerakkan dalam majlis-majlis keilmuan dan kebudayaan sudah tentu memerlukan kitab-kitab yang digunakan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Pada masa ini kitab-kitab tersebut adalah diperolehi daripada alim-ulama, khususnya dari 'atas angin' (mubaligh-mubaligh Arab), yang mana sebahagiannya kemudian telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu (Wan Mohd Saghir, 2006).

Kegiatan penulisan dan penterjemahan kitab-kitab Arab di rantau ini sudah bermula lebih awal, setidak-tidaknya semenjak abad ke 13 Masihi di zaman berkembangnya Kesultanan Samudera-Pasai. Bahasa Arab merupakan bahasa kedua terpenting selepas Bahasa Melayu selain menjadi bahasa al-Quran yang dipelajari dan berkembang dengan pesatnya di rantau ini. Sebagai bukti penulis Sejarah Melayu, iaitu Tun Seri Lanang telah mencatatkan bahawa semua orang di Samudera-Pasai tahu berbahasa Arab (Alwi & Azrien, 2008).

Keunggulan, kepesatan dan kemajuan tamadun serta budaya Kesultanan Samudera-Pasai telah mampu mengerakkan dakwah Islamiyyah ke negeri-negeri lain di sekelilingnya sehingga pada abad ke 14 Masihi Islam telah dapat berkembang di sepanjang pantai Sumatera, masuk ke daerah-daerah pedalaman seterusnya menyeberangi persisiran pulau-pulau lain sampai masuk ke pusat perniagaan yang penting di utara Semenanjung Tanah Melayu, iaitu di Kedah dalam era pemerintahan Sultan Zainal Abidin Bahiyah Syah (1346-1406M). Dari Kedah dapatlah digerakkan para pendakwah ke daerah-daerah pedalaman di Semenanjung Tanah Melayu, contohnya di Terengganu sebagaimana yang

telah diukir dengan tulisan jawi di Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh tahun 1326M atau 1386M (Wan Mohd Saghir, 2006).

Sultan Zainal Abidin juga telah bertanggungjawab menghantar dua orang mubaligh tersohor ke daerah Jawa dan Sulawesi pada tahun 1395M, iaitu Maulana Malik Ibrahim dan Maulana Ishak yang bergelar Syeikh Awwalul Islam. Malahan di zaman berkembangnya empayar Melaka yang agung dan gemilang itu, Kesultanan Pasai memainkan peranan penting sebagai tempat rujukan agama dan peradaban Melaka. Apatah lagi raja-raja dan bendahara-bendahara Melaka mempunyai hubungan darah dan persaudaraan yang erat dengan raja-raja Samudera-Pasai, bermakna kesultanan tersebut mempunyai saham yang tinggi dalam sejarah perkembangan islamisasi yang digerakkan oleh Kesultanan Melaka dalam seluruh jajahannya yang luas itu bermula awal abad ke-15 Masihi (Tun Suzana, 2013).

Para alumni Zawiyah Cot Kala daripada kalangan kumpulan pendakwah Wali Songo yang masyur dalam abad ke 15-16 Masihi, telah mempergiatkan pembangunan institusi pengajian tinggi Islam dengan mendirikan pondok atau pesantren di kepulauan Jawa. Antara institusi pesantren yang awal dibina oleh Syarif Hidayatullah atau Syeikh Abdullah Qutbuddin di Candirejo, Jawa Tengah. Raden Ali Rahmatullah atau Sunan Ampel pula menyelenggarakan pondok pesantren di Ampeldenta, Surabaya. Di antara anak muridnya adalah Raden Paku (Sunan Giri) dan Raden Fatah yang kemudian nanti diangkat sebagai raja kerajaan Islam pertama di Jawa, iaitu di Bintoro, Demak. Sunan Bonang dan Syarifuddin Hasyim yang merupakan putera-putera Sunan Ampel juga belajar di pesantren tersebut. Di Gerisik, Surabaya, Jawa Timur, Maulana Malik Ibrahim atau Sunan Grisek turut mendirikan pesantren bagi mempersiapkan kader-kader pejuang pelapis ummah (Auni Abdullah, 1991).

Di Pattani, Wan Hussein, putera Sayyid Ali Nurul Alam ibn Sayyid Hussein Jamadil Kubro, didakwa mengasaskan sistem pondok di Pattani. Di Legeh, pula, Syeikh Faqih Wan Musa mendirikan pondok. Pada abad ke-18, pendidikan pondok meningkat dengan cepat. Contohnya ialah Pondok Tok Guru Haji Nor, yang dimainkan oleh Haji Nor Pondok, Tok Guru Haji Leh, yang dimainkan oleh Haji Salleh, dan Tok Guru Haji Somad, yang dimainkan oleh Haji Abd al-Samad (Shafie Abu Bakar, 2000).

Di Tanah Melayu, Tuan Hussein Kedah ialah salah seorang ulama yang aktif membangunkan sistem pendidikan pondok. Beliau menubuhkan banyak sekolah pondok di Kedah dan Pulau Pinang, dan beliau mempunyai beribu anak murid, termasuk Sultan Iskandar Syah (Sultan Perak), Syeikh Ismail Hamzah (Mufti Perak), Haji Wan Abdullah Zawawi (Kadi Perak), dan ramai lagi. Pada tahun 1820M, Tuan Guru Haji Abdul Samad bin Abdullah, juga dikenali sebagai Tok Pulai Chondong, mendirikan pondok pertama di Kelantan. Selain pondok Pulai Chondong yang dibina di Kelantan sebelum tahun 1910M, terdapat juga Pondok Tok Bachok pada tahun 1900M, Pondok Sungai Budor, Pondok Kampung Banggol, Pondok Tuan Padang, dan Pondok Tok Semian. Haji Wan Abdul Samad bin Mohd Salleh, juga dikenali sebagai Tuan Tabal, adalah pemilik Pondok Tok Semian. (Abdul Rahman al-Ahmadi, 2000).

Kitab-kitab rujukan di institusi pengajian ini merangkumi sebahagian besar ajaran Ahlus Sunnah wal Jamaah. Sebagai contoh, dalam bidang akidah, Syeikh Abdullah 'Arif, seorang ulama terkenal yang datang ke Pasai pada akhir abad ke-12 Masihi, dikatakan sentiasa membawa kitab *Ihya Ulumuddin* Imam al-Ghazali bersamanya (Kamis Ismail, 2003). Ini menunjukkan bahawa Shaykh Abdullah 'Arif membawa pemikiran al-Asy'ari ke alam Melayu melalui pendekatan al-Ghazali.

Ulama terkenal dan mufti Aceh dari abad ke-17 Masihi, Syeikh Nuruddin ar-Raniri, menunjukkan pengaruh akidah Asya'irah dan Maturidiyyah. Terjemahan *Durrat al-Faraid*, karya akidah ulama besar Asya'irah Sa'd al-Din al-Taftazani yang bersifat sharah terhadap *Aqa'id al-Nasafi* yang bermazhab Maturidi, adalah karya penting beliau. Syeikh Abdul Rauf Singkel (1615M-1695M) menulis tentang pemahaman akidah Asya'irah menggunakan pendekatan Imam Muhammad Yusof al-Sanusi. Sebuah kitab tasawufnya, *Umdat al-*

Muhtajin, membahagikan Sifat Dua Puluh kepada perkara yang wajib, mustahil dan harus. Syair Makrifah, karya puisi dan syair lain beliau, membincangkan Sifat Dua Puluh.

Dalam abad ke 18 Masihi, akidah Asya'irah disebar luas di institusi-institusi pengajian pondok dan *pesantren* dengan menggunakan kaedah Sifat Dua Puluh Imam al-Sanusi. Kitab *Umm al-Barahin* karangan Imam al-Sanusi diterjemahkan dan disyarahkan secara meluas dalam kalangan ulama Melayu waktu itu. Antaranya Shaykh Muḥammad Zayn Faqih Jalāl al-Din al-Ashi dalam kitabnya *Durr al-Fara'id, Bidayah al-Hidayah*, Shaykh Nawawi Banten dengan tajuk *Zari'at al-Yaqin* dan Shaykh Abd al-Samad al-Falimbani pula melalui kitabnya *Zuhrat al-Murid fi Bayan kalimat al-Tawhid* pada tahun 1764M (Mohd Haidar Kamarzaman, 2017). Kitab-kitab aliran Asya'irah terus bertambah, antara yang masyur adalah *Durr al-Thamin* pada tahun 1886M dan kitab kuning bertulis tangan bertajuk Sifat Dua Puluh oleh Shaykh Daud al-Faṭani. Beliau juga mengarang kitab *Ward al-Zawahir Fi Bayan Kalimat al-Tawhid*, yang masih dipelajari dan dikaji sehingga di peringkat universiti.

Menjelang tahun 1800-an dan 1900-an, sejumlah besar ulama alam Melayu telah menterjemah, mensyarah, menaqal, mengarang semula dan menyiasat kitab akidah Asya'irah. Fahaman Asya'irah menjadi semakin kukuh sehingga pendokongnya mula menulis kitab yang membincangkan prinsip yang bertentangan dengan kepercayaan mereka. Para ilmuan Islam di Nusantara sangat teruja untuk menyebarkan, membincangkan dan menulis semula pemikiran Asya'irah sehingga mereka menganggap akidah Asya'irah sebagai satu-satunya kepercayaan Islam di Tanah Melayu. Di antaranya ialah *Tamrin al-Sibyan fi Bayani Arkan al-Islam wa al-iman* oleh Tuan Husein Nāsir bin Muḥammad Ṭayyib al-Mas'udi al-Banjari, *Hidayat al-Rahman* oleh Haji Abd al-Laṭīf bin Haji Muḥammad Nuruddin, dan *Aqidat al-Munjiyati Fi Bayani Aqidat al-Mu'minin Wa al-Mu'minat* oleh Shaykh Muḥammad Alwī bin Abdullah (Mohd Haidar Kamarzaman, 2017).

ZAWIYAH TOK PULAU MANIS BENTENG AKIDAH ASYA'IRAH DI ALAM MELAYU

Wilayah Terengganu merupakan negeri tertua yang mempunyai bukti bertulis tentang bertapaknya Islam di Tanah Melayu dengan terjumpanya Batu Bersurat bertarikh 1303 Masihi. Pertapakan Islam di Terengganu terus berkembang seiring semarak dakwah ulama umara tempatan melalui satelit-satelit zawiyah, pondok dan pesantren yang bertaburan di merata alam Melayu. Sehingga kemuncaknya, wujud lebih 300 buah pondok di Terengganu yang dibangunkan oleh guru-guru yang kembali dari Patani (serambi Mekah) dan Mekah. Ia bertujuan untuk terus meluaskan ilmu dan ajaran akidah Asya'irah di Alam Melayu dan mempertahankan akidah ini supaya orang ramai yang menganutnya tidak mudah terpesong.

Mazhab ilmu Kalam Al-Asy'ariyyah terdiri daripada pengikut Abu Hasan al-Asy'ari, yang juga kadangkala dikenali sebagai Asya'irah. Aliran al-Asy'ari dan Asya'irah menepati kehendak dan cita rasa orang ramai dalam banyak cara. Oleh itu, mereka mudah diterima. Mazhab ini sentiasa terdedah kepada serangan daripada pelbagai sumber. Tidak hanya para ulama Muktazilah, tetapi juga beberapa kumpulan ulama Kalam tradisi (ortodoks) menyerang mereka. Bagi pengikut Ahmad ibn Hanbal, hujah akal yang digunakan oleh Muktazilah dianggap sebagai bidaah dan harus ditolak. Ini menunjukkan bahawa kaedah yang digunakan oleh al-Asy'ari juga mendapat tentangan daripada mereka. Dalam perspektif yang berbeza, al-Maturidiyyah juga menggunakan logik untuk mempertahankan ajaran konvensional. Beberapa orang kelihatan terlalu konservatif. Aliran Muktazilah sering mengenakan tekanan atau kekerasan terhadap pengikut aliran lain terutamanya dalam isu al-Quran bukanlah qadim, atau makhluk. Aliran Muktazilah adalah suatu gaya pemikiran yang menggunakan falsafah sebagai asasnya. Ia sering mempersoalkan persoalan yang sukar untuk difahami oleh orang biasa. Oleh itu, mereka dikenali sebagai rasionalis Islam. Aqidah Muktazilah dan Syiah hampir sama. Oleh itu, penolakan Muktazilah mengakibatkan penolakan Syiah juga (Wan Zailan, 1994).

Antara guru pondok yang terkenal di Terengganu adalah Syeikh Abdul Malik bin Abdullah yang terkenal dengan jolokan Tok Pulau Manis di Lekir, Terengganu (1060H atau

1650 an). Syeikh Abdul Malik dikatakan ulama yang mempelopori pengajian pondok yang paling awal di Tanah Melayu. Beliau mendapat pendidikan awal di Terengganu dan kemudian di Aceh dengan Syeikh Abdul Rauf Singkel, seorang ulama besar merangkap mufti bagi kesultanan Aceh. Syeikh Abdul Rauf Singkel atau terkenal dengan jolokan Syeikh Kuala, merupakan murid kepada dua ulama besar di Mekah iaitu Syeikh Ibrahim Al-Kurani dan Syeikh Ahmad Al-Qusaisyi.

Apabila melihat bahawa muridnya mahir dalam bidang seperti Hadis, Tafsir, Nahu, Sorof, Fiqh, dan Tasawuf; Syeikh Kuala memutuskan bahawa muridnya sudah layak untuk diberi bahagian dalam tarekah Syathariah. Walaupun sejarah terkenal menyatakan bahawa Tok Pulau Manis juga mengamalkan tarekah Syazaliah, fokusnya adalah untuk menyebarkan tarekah Syathariah dan mempunyai kesan yang besar pada masanya di Negeri Terengganu. Sehingga hari ini, tradisi ini masih dipraktikkan oleh keturunan dan murid-muridnya.

Dipercayai bahawa semasa belajar di Aceh, Syeikh Abdul Malik bersahabat dengan beberapa ulama dan tokoh penting. Antara mereka termasuk Syeikh Yusuf Tajul Khalwati al-Makassari dari Bugis-Makassar, Syeikh Abdul Muhyi Pamijahan, dan Syeikh Burhanuddin Ulakkan dari Sumatera Barat. Setelah belajar di Aceh selama sepuluh tahun, Syeikh Abdul Malik pergi ke Mekah dan Madinah. Kedua-dua kota ini bukan sahaja menjadi pusat pendidikan dan tempat berkumpul para ulama global, tetapi juga menjadi pusat untuk menulis dan menterjemah kitab Arab ke dalam bahasa Melayu (Jawi). Syeikh Ibrahim al-Kumari al-Kundi, yang hidup dari 1616M–1690M, adalah salah seorang ulama terkenal di Mekah pada masa itu yang menjadi gurunya.

Semasa beliau berada di Mekah, para sahabatnya mencadangkan agar Syeikh Abdul Malik mensyarahkan kitab Hikam yang ditulis oleh Syeikh Ibn Atha'illah al-Sakandari kepada bahasa Melayu. Ini disebabkan oleh fakta bahawa mereka mengetahui tentang kealimannya dalam bidang kerohanian dan mengharapkan bahawa beliau akan melakukan sesuatu untuk membantu perkembangan tasawuf di rantau ini. Walaupun tugas itu sangat sukar, beliau bersetuju untuk melaksanakannya untuk kemajuan agama dan kebaikan masyarakat alam Melayu. Syeikh Abdul Malik kembali ke Terengganu pada tahun 1700M dan menubuhkan pondok di Kampung Batu Belah. Beliau mengajar di Pondok Pulau Manis, di mana pelajar dari Patani dan dari seluruh Tanah Melayu datang. Sultan Zainal Abidin, Sultan Terengganu (1725M–1733M), adalah salah seorang anak muridnya yang paling terkenal.

Selain *Syarah Hikam*, Tokku Pulau Manis juga banyak mengarang dan menterjemah kitab Melayu, seperti *Usul al Tahqiq*, *Kifayah*, *Kifayah al-Niyat*, *Kaabrul Miraj Sayyidi Mursalin Wa Imamil Mu'taqin* serta *Tafsir al-Qur'an* yang beliau salin sebahagiannya daripada tafsir Baidawi karangan Syeikh Abdul Rauf Singkel. Manakala kitab *Syarah Hikam* terus dipelajari oleh pelajar dan golongan agama di Malaysia sehingga ke hari ini. Kitab *Hikam* Jawi yang telah disyarah oleh Syeikh Abdul Malik masih terus dicetak sehingga kini, termasuk versi yang diterjemah dalam tulisan rumi juga. Menurut Shuhaimi dan Abd Rahman (2017), Kitab *Hikam* Jawi ini adalah antara kitab utama yang telah digunakan sebagai silibus pengajian di zawiyah-zawiyah yang ada di Alam Melayu terutamanya Terengganu, Kelantan, Kedah, Perlis, dan Pulau Pinang. Hal ini kerana penulis utama kitab *Hikam* iaitu Syeikh Ibnu Atha'illah al-Sakandari mempunyai pengaruh yang sangat besar di Alam Melayu disebabkan manhaj tasawuf yang dibawa oleh beliau mempunyai persamaan serta seiring dengan manhaj tasawuf Imam al-Ghazali. Imam al-Ghazali sebagai tokoh yang sangat sinonim dengan mazhab Ahli Sunnah wal-jamaah aliran Asya'irah telah diterima baik di Alam Melayu dan juga di Kepulauan Indonesia. Maka, kitab *Hikam* Jawi yang telah disyarahkan oleh Syeikh Abdul Malik telah diterima dengan baik dan membantu pengajian tasawuf di zawiyah-zawiyah yang ada dengan lebih baik dan berkesan.

Syeikh Abdul Malik dan zawiyah, atau pondoknya, mempunyai kesan yang besar terhadap pembangunan jiwa beragama dalam kalangan penduduknya, terutamanya di negeri Terengganu. Ia menjadi tumpuan segala isu dan dipandang tinggi oleh para ulama

pada zamannya. Kitab *Naql*, yang beliau tulis selepas tiga tahun kembali dari Mekah, menjawab soalan masyarakat mengenai sembahyang Jumaat. Selepas membaca karyanya, jelas bahawa Tok Pulau Manis sangat mahir dalam tauhid dan tasawwuf serta fiqh. Sebenarnya, adalah mustahil untuk bertemu dengan para ulama hari ini yang mahir dalam kedua-dua ilmu syariat dan hakikat seperti yang dilakukan oleh ulama-ulama zaman dahulu. Beliau menulis beberapa kitab, termasuk *Syarah Hikam Jawi*, kitab *Kayfiyat al-Niyyat*, yang berfungsi sebagai asas untuk sebahagian daripada kitab *Ihya' Ulumuddin*, dan kitab *Kifayah*, yang membincangkan isu fiqh dan Usuluddin, selepas pulang dari Mekah selama tiga tahun. Kitab yang dikenali sebagai *Syarabul Muntahi* membincangkan perjalanan ilmu hakikat dan makrifat.

Pendidikan Syeikh Abdul Malik telah melahirkan ramai ulama dengan berjaya, dan kemudian ia berterusan dari generasi ke generasi sehingga hari ini, kata Shafie Abu Bakar (1976). Selepas Tok Pulau Manis meninggal dunia pada tahun 1736M, usaha untuk menulis kitab-kitab fiqh di Semenanjung Tanah Melayu lebih didominasi oleh penyalinan semula kitab-kitab yang telah ditulis sebelum ini. Sebagai contoh, Ali bin Qadhi Haji Muhammad Salih Fatani, yang berasal dari Patani tetapi berpindah ke Terengganu, menyalin Kitab *al-Kifayah*. Selesai menyalin kitab ini pada tahun 1282H, didapati bahawa proses menyalin semula *Kitab al-Kifayah* ini telah berlaku sebelum tarikh ini, pada 2 Safar 1180H (1766M). Nama penyalinnya, bagaimanapun, tidak disebut (Shafie, 1977). Ulama-ulama lama dari Terengganu terus menyokong penulisan karya-karya fiqh di Semenanjung Tanah Melayu selepas Tok Pulau Manis meninggal dunia.

Pada tahun 1819M, Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahim Bukit Bayas menulis *Risālah Fī Bayān Ḥukm al-Bay' wa al-Ribā*. Beliau dilahirkan di Patani kira-kira tahun 1790-an, tetapi beliau tinggal di Bukit Bayas, Kuala Terengganu selama hampir 32 tahun (Omar, 1991). Kitab *Risālah Fī Bayān Ḥukm al-Bay' wa al-Ribā* membincangkan bab riba dalam muamalat. Seolah-olah Tok Pulau Manis telah menyempurnakan buku fiqhnya yang berkaitan dengan ibadat selepas beliau berhenti menulisnya. Sayyid Muhammad bin Zayn al-Abidin, juga dikenali sebagai Tokku Tuan Besar (1795M–1878M), terus menulis kitab fiqh di Semenanjung Melayu. Dua buku fiqh, *Sullam al-Taufiq* dan *Tuhfat al-Wildān*, telah ditulis oleh Tokku Tuan Besar. *Sullam al-Taufiq* adalah buku kecil dengan enam halaman yang menerangkan persoalan yang dihadapi oleh *muwafiq* dan *masbuq* semasa solat berjemaah. *Tuhfat al-Wildān* juga ditulis sebagai puisi tentang fiqh. Wan Mohd Saghir bin Abdullah memperkenalkan *Kitab al-Mukhtasar*, sebuah lagi kitab fiqh yang ditulis oleh Tokku Tuan Besar pada tahun 2000. Selain mengarang kitab-kitab fiqh, penduduk Semenanjung Tanah Melayu ketika itu terus menyalin kitab-kitab tersebut.

Menurut Wan Mohd Saghir (2000), seorang ulama Terengganu yang dikenali sebagai Tok Ku Melaka juga lahir sezaman dengan Tokku Tuan Besar. Beliau telah menulis *Hidāyah al-'Awām fī Bayān Ḥukm Syarb al-Dukhān dan Targhib al-Rijāl fī Kasb al-Ḥalāl*.

PENUTUP

Sistem pendidikan zawiya ialah sistem pendidikan Islam yang wujud dan diiktiraf oleh masyarakat. Ia bertujuan untuk mengajar orang ramai tentang agama dan membentuk orang Muslim yang baik. Pendidikan Islam yang digunakan dalam kajian ini adalah salah satu cara terpenting untuk membentuk perwatakan dan pemikiran yang selaras dengan nilai Islam. Sesebuah masyarakat telah terjejas secara ketara oleh pendekatan pembelajaran yang digunakan, terutamanya dalam hal hubungan dengan Allah.

Tujuan pendidikan berteraskan Islam adalah untuk menghasilkan individu yang mempunyai peribadi Islam yang konsisten, ideal dan sempurna dalam segala aspek kehidupan individu dan sosial. Oleh itu, sistem pendidikan yang menggabungkan elemen Islam mempunyai keupayaan untuk mengubah masalah yang timbul.

PENGHARGAAN

Penyelidik ingin merakamkan jutaan terima kasih atas dana penyelidikan yang disediakan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk Inisiatif Geran Penyeliaan (GIP) yang bertajuk Pengaruh Pendidikan Zawiyah Dalam Penyebaran Dakwah Tauhid Tasawuf Di Nusantara dengan kod 600-RMC/GIP 5/3 (013/2021).

RUJUKAN

Buku

- Abdul Rahman al-Ahmadi. (2000). *Pendidikan Islam di Malaysia: Pembinaan Intelek Agama*. Dlm: Mohd. Taib Osman dan A. Aziz Deraman (ed.). Tamadun Islam di Malaysia. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdul Shukor Husin. (1998). *Ahli Sunnah Waljamaah: Pemahaman Semula*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Auni Abdullah. (1991). *Islam dalam Sejarah Politik & Pemerintahan Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Helmiyati, M. (2014). *Sejarah Islam Asia Tenggara*. Lembaga Penelitian Dan Pengabdian Kepada Masyarakat Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Mohd Syukri Yeoh Abdullah. (2011). *Zawiyah Dalam Lipatan Sejarah & Kebudayaan Alam Melayu*. Institut Alam & Tamadun Melayu, UKM.
- Saiful Bahri. (2020). *Konsep Mayoritas Ahlisunnah Wal-Jamaah*. Bahasa Rakyat.
- Shafie Abu Bakar. (1976). *Institusi Syeikh Abdul Malik b. Abdullah (Satu Corak Pengajian Tradisi Di Terengganu) dan Kitab-Kitab Padanya*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafie Abu Bakar. (2000). *Persuratan Melayu: Pengucapan Tamadun Islam*. Dlm: Abdul Aziz Deraman & Taib Osman (Pngr). Tamadun Islam di Malaysia. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Syamsul Bahri Andi Galigo dan Norarfan Zainal. (2012). *Pengenalan Ahli Sunnah Waljama'ah: Sejarah, Pendekatan dan Pemahaman*. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei.
- Tun Suzana Othman. (2013). *Peranan Tauhd Tasawuf dalam Memperadabkan Ummah: Pengalaman Nusantara*. Pertubuhan Kesedaran Melayu & Islam.

Jurnal

- Alwi Yusoff, M. & Azrien Mohamed Adnan, M. (2008). Bahasa Arab sebagai bahasa Imu dan Peradaban: Satu Kajian dari Sudut Keistimewannya. *Jurnal Usuluddin*, 27, 157-167.
- Faudzinaim Badaruddin & Muhammad Khairi Mahyuddin. (2021). Autoriti sanad tarekat dan peranannya dalam ilmu tasawuf. *International Journal of Islamic Thought (IJIT)*, 20, 34-44.
- Haidhar Kamarzaman, M., Zakaria Stapa, Abdull Rahman Mahmood, Indriaty Ismail, Wan Fariza Alyati, W.Z., & Faisul Azmi, M. (2016). Pengaruh Aliran Ahli Sunnah wal-Jamaah Al-Asha'irah Di Nusantara, Analisis Abad Ke Tujuh Hingga Dua Puluh Masihi. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 28, 89-108.
- Khairul Azhar Meerangani. (2019). Peranan Ulama dalam Penyebaran Ajaran Islam di Pulau Besar, Melaka. *Jurnal Al-Tamaddun*, 14(2), 65-74, 34-44. <https://doi.org/10.24035/ijit.20.2021.208>
- Mohd Syukri Yeoh Abdullah. (2009). Asal-Usul, Pengaruh Dan Kesan Aliran Al-Asy'Ari Dan Al-Asya'Irah DI Malaysia Dan Kepulauan Melayu. *Sari – International Journal of the Malay World and Civilisation*, 27(2), 87-118.
- Shuhaimi Mohd Lana & Abd Rahman Abd Ghani. (2017). Pengaruh Kitab Al-Hikam Al-'Ataiyyah dalam Masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Ilmi*, 7, 1-18.
- Wan Ali, Wan Zailan Kamaruddin. (1994). Aliran al-Asy'ari dan al-Asy'ariyyah: perkembangan, pengaruh dan kesannya dalam dunia Islam dan alam Melayu. *Malaysia Dari Segi Sejarah @ Malaysia In History*, 22, 84-106.

Laman Sesawang

Mu'jam al-Maani (2024). الزاوية - Translation and Meaning in Almaany English Arabic Dictionary. https://www.almaany.com/en/dict/ar-en/الزاوية/#google_vignette (diakses pada 25 Januari 2024).

Wan Mohd Saghir Abdullah. (2006). *Syeikh Abdullah Arif Penyebar Islam Pertama di Acheh*. Arkib Utusan Online. <https://e-malabari.my/history/06utusanarif.htm> (diakses pada 20 Januari 2024).

Seminar & Prosiding

Abd Jalil Borham. (2014). Islam di Nusantara. Kolokium Islam Pahang 'Meraikan Ilmu'. Muzium Negeri Pahang di Panggung Tun Razak, Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.

Mohd Haidhar Kamarzaman. (2017). Ahli Sunah Wal Jamaah dan Al-Asha'irah Sebagai Aliran Islam Terawal Di Nusantara: Suatu Analisis. Kertas Kerja Seminar Pemikiran Asy'ari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor

Mohd Syukri Yeoh Abdullah. (2018). Institusi Kesultanan Dan Zawiyah. Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Kepimpinan dan Kekhalifahan, Gagasan Konstruktif Ulama dan Umara, Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan.

Suliah Mohd Aris, Baterah Alias, Safinaz Abdul Samat, & Fadhilah Adibah Ismail. (2015). Islamisasi di Alam Melayu: Kesan dan Pengaruh dalam Aspek Pendidikan. ICOMHAC2015 eproceedings 16-17 Disember 2015, Century Helang Hotel, Pulau Langkawi UiTM Cawangan Kedah-INSPIN, 567-480.

Tesis & Disertasi

Kamis bin Ismail. (2003). *Shiah dan Pengaruhnya dalam bidang Politik dan Tasawwuf Falsafah di Alam Melayu*, Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shafie Abu Bakar. (1977). Institusi Shaykh Abdul Malik bin Abdullah: Corak Pengajian Tradisi di Terengganu dan Kitab-kitab Padanya. Tesis Ijazah Sarjana Persuratan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.